

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR
MAS)**

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat secara terperinci berhubung skandal pemberian kad pengenalan oleh pegawai Kerajaan kepada warga asing seperti yang didedahkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes penjualan MyKad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pihak PDRM telah diberikan kuasa penuh untuk menyiasat secara menyeluruh kes ini agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa. Sehubungan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk menubuhkan RCI berasingan bagi menyiasat kes berkenaan.